



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2016/08/79 (HQ)

PESURUHJAYA: PERLINDUNGAN MAKLUMAT PERIBADI PELANGGAN UTILITI ELEKTRIK TERJAMIN

- Kod Tataamalan pertama diluluskan
- kerjasama SEB & SESB

Sektor utiliti elektrik kini menjamin perlindungan data peribadi pelanggan dengan siapnya Kod Tataamalan hasil kerjasama tiga syarikat diterajui Tenaga Nasional Berhad (TNB), kata Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia (Pesuruhjaya), Mazmalek Mohamad.

Kod Tataamalan berkenaan, yang pertama diluluskan oleh pihak Pesuruhjaya disediakan mengikut peruntukan seksyen 23 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (APDP). APDP memberi perlindungan kepada maklumat peribadi seseorang individu yang diproses untuk tujuan transaksi komersial.

"Tahniah kepada TNB kerana telah berjaya menyiapkan Kod Tataamalan ini," sambil menambah ia jelas membuktikan kesungguhan pihak pengurusan TNB melindungi data peribadi pelanggannya.

Mazmalek berkata TNB perlu mendidik pelanggannya tentang hak mereka untuk mengemaskini dan mengakses data sepertimana termaktub dalam akta APDP.

TNB selaku peneraju, telah bersama-sama anak syarikatnya (dengan 83 peratus kepentingan ekuiti), Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) dan Sarawak Energy Berhad (SEB) telah menyiapkan Kod Tataamalan tersebut dalam tempoh setahun.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir. Azman Mohd berkata ketigatiga pihak telah mengadakan beberapa siri rundingan dengan pihak Pesuruhjaya untuk menyiapkan Kod Tataamalan ini bagi memastikan operasi bisnes mematuhi APDP.

S.A. 2016/08/79 (HQ)

Beliau menegaskan TNB amat komited untuk melindungi semua data peribadi dan hak privasi setiap individu yang mempunyai hubungan kontraktual dengannya.

"Adalah menjadi dasar TNB untuk memproses data peribadi mengikut saluran undang-undang dan selaras dengan pelancaran Kod Tataamalan ini," tambahnya.

Kod Tataamalan dalam bentuk buku setebal 58 muka surat tersebut dihasilkan dalam bahasa Melayu dan Inggeris. Salinannya dipaparkan di dalam laman web Jabatan Perlindungan Data Peribadi Malaysia (www.pdp.gov.my).

Ketika ini TNB mempunyai lebih 8.6 juta pelanggan, SESB 566,452 dan SEB lebih daripada 600,000.

Satu majlis pelancaran Kod Tataamalan berkenaan telah diadakan di sini semalam. Majlis dihadiri Mazmalek, Ketua Pegawai Perolehan TNB, Ir. Syed Abu Hanifah Syed Alwi (mewakili Ir. Azman) serta pihak pengurusan TNB dan Pesuruhjaya.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 12 Ogos 2016

*Untuk Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /
Puti Mazlina Mashudi (013-3642727) / Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) /
Mohd Syafiq Khairul Salleh (013-3432346)*

media@tnb.com.my